

## Wartawan, exco kerajaan negeri candat sotong

### KUALA TERENGGANU

S4 04/07/07 pg T18  
- Seramai 65 peserta menyertai Program Mencandat Sotong Pemimpin dan Media Bersama Nelayan yang diadakan di sekitar Perairan Pulau Kapas, Marang, malam kelmarin.

Program anjuran Unit Komunikasi Negeri

Terengganu (UNIKOM) dan Kelab Wartawan Terengganu (KAWAT) itu antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan dikalangan peserta terabit.

Pemangku Pengarah UNIKOM, Ruslan Abdul Rahman berkata, selain itu melalui program



Sebahagian peserta Mencandat Sotong Pemimpin Bersama Media dan Nelayan berada di atas bot sebelum berlepas.

itu juga membolehkan golongan wartawan dan exco kerajaan negeri menimba pengalaman menjadi sebagai nelayan.

"Dengan adanya pendekatan seperti ini, ia secara tidak langsung memberi peluang kepada peserta untuk merasai sendiri bagaimana keseronokan ketika berjaya menaikkan sotong yang ditangkap," katanya kepada **Sinar Harian**, semalam.

Menurut Ruslan, program itu juga sebagai menyahut saranan Menteri Besar Datuk Seri Idris Jusoh supaya para pemimpin dapat turun ke padang dengan media dan nelayan secara konsep tiga dalam satu iaitu Agensi Perhubungan Negeri Terengganu, pihak media dan orang awam.

"Faktor program ini dilaksanakan pada bulan ini memandangkan mu-

sim ini paling sesuai bagi aktiviti mencandat sotong berikutan keadaan cuaca agak tenang.

"Selain itu, bulan ini juga merupakan permulaan musim sotong mengawan dan bertelur, menyebabkan pelbagai spesies haiwan berkenaan berkumpul di sekitar perairan Terengganu terutama di kawasan pulau peranginan seperti Pulau Kapas, Pulau Bidong dan Pulau Redang," ujarnya.

Turut hadir pada program tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Wilayah negeri, Datuk Mohd Jidin Shafee serta wakil-wakil agensi lain seperti Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Jabatan Laut Semenanjung, Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Penyiaran.